

## SINOPSIS

Dalam buku ini, kaedah-kaedah untuk menganggar beban gagal, ubah bentuk pada beban kerja untuk asas cetek dan asas dalam, diperihalkan dengan terperinci. Dengan ini, diharapkan agar pelajar dapat memperoleh pengetahuan teori untuk kegunaan dalam praktis kejuruteraan asas.

Buku ini ditulis bukan sahaja untuk kegunaan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus kejuruteraan asas, tetapi juga sebagai rujukan praktis kejuruteraan asas. Pengarang berhasrat supaya pembaca-pembaca dapat berfikir secara kritis tentang apa yang dapat dicapai dan apa yang tidak apabila membuat ketetapan kejuruteraan, khususnya kejuruteraan asas. Segala usaha telah dibuat untuk meliputi kemajuan terbaharu dalam mekanik tanah dengan pandangan untuk membantu penetapan reka bentuk.